

Headline	Pendaftaran myTNB catat kenaikan 50peratus		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 May 2020	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	23
ArticleSize	184 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,745		



Kuala Lumpur: Aplikasi dan portal Tenaga Nasional Berhad (TNB), myTNB mencatat hampir 50 peratus peningkatan pendaftaran akaun pelanggan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa 18 Mac lalu.

Ketua Pegawai Runcit TNB, Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan dalam satu kenyataan berkata, menerusi penawaran myTNB, ia saluran alternatif kepada 9.28 juta pelanggan TNB untuk membayar bil dengan selamat tanpa perlu keluar rumah.

“Pendaftaran akaun pelanggan menerusi myTNB meningkat 47.8 peratus kepada 3,331,156 bermula 18 Mac lalu sehingga 3 Mei lalu berikutan ramai pelanggan yang duduk di rumah memilih untuk melakukan pelbagai transaksi berkaitan TNB menggunakan portal dan aplikasi itu.

“Peningkatan ini amat memberangsangkan,” katanya.

Ketika ini, 125 Kedai Tenaga dan kios pembayaran layan diri di seluruh negara ditutup buat sementara waktu sehingga tamat tem-

Pendaftaran myTNB catat kenaikan 50%



mentara waktu, jadi penggunaan elektrik pelanggan dikira berdasarkan penggunaan bulan sebelumnya (bil anggaran).

Menurutnya, pihaknya turut menasihati pelanggan supaya segera menjelaskan bil mereka dan tidak berlengah sehingga tempoh PKP tamat bagi mengelakkan tunggakan bil yang membebankan.

Selain portal dan aplikasi mudah alih myTNB, pelanggan juga boleh menjelaskan bil mereka melalui platform perbankan Internet sekiranya mereka mendaftar bil mereka sebagai pembayar selain pembayaran dalam talian melalui JomPAY.

Katanya, TNB sedia maklum terhadap kekangan yang dihadapi pelanggan tanpa telefon pintar atau kemudahan Internet dan pembayaran secara tunai masih boleh dibuat di beberapa lokasi terpilih seperti pejabat pos, Petronas Kedai Mesra serta kedai serbaneka terpilih.

poh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Malah sebelum ini, TNB turut mengumumkan penangguhan pembacaan meter serta penghantaran bil ke premis akan dihentikan se-

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Industry News - Logistics (Industry News - Logistics)	1	0	RM 0
Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) (PETRONAS)	1	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	2	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	7	0	RM 0